

KATEGORI SUMBER BANTUAN DAN KEKERAPAN AGIHAN BANTUAN KEPADA KOMUNITI TEMPATAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

CATEGORY OF SOURCES OF ASSISTANCE AND FREQUENCY OF DISTRIBUTION OF ASSISTANCE TO LOCAL COMMUNITIES DURING THE PERIOD OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)

Nurul Hazwani Abu Bakar¹
Liew Sau Ping¹
Norain Basri¹
Nur Ain Soeradji¹
Jabil Mapjabil²
Datu Razali Datu Eranza³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mel: waneyhazwaney@gmail.com)

(E-mel: liewsauping@gmail.com)

(E-mel: ainbasri98@gmail.com)

(E-mel: ainsoeradji@gmail.com)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

(E-mel: jabil@ums.edu.my)

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

(E-mel: drde@ums.edu.my)

Article history

Received date : 10-6-2021

Revised date : 11-6-2021

Accepted date : 3-7-2021

Published date : 14-7-2021

To cite this document:

Nurul Hazwani Abu Bakar, Liew Sau Ping, Norain Basri, Nur Ain Soeradji, Jabil Mapjabil & Datu Razali Datu Eranza (2021). Kategori sumber bantuan dan kekerapan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6 (37), 102 – 118.

Abstrak: Pelbagai pihak memainkan peranan penting untuk meringankan beban komuniti tempatan iaitu dengan memberikan bantuan seperti kewangan dan makanan asas. Oleh hal demikian, artikel ini menganalisis kategori sumber bantuan dan kekerapan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 di kampung terpilih, iaitu Kunak dan Lahad Datu, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan pemerhatian. Kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden. Hasil kajian menunjukkan penyumbang bantuan tertinggi yang diterima oleh responden adalah pihak kerajaan dengan nilai 82.9%, iaitu 87 orang responden. Bantuan yang paling banyak diterima oleh responden pula adalah bekalan makanan asas sebanyak 95.2%, iaitu 100 orang responden. Bagi perincian bantuan kewangan, majoriti responden tidak menerima sebarang bantuan kewangan, iaitu sebanyak 60.0% (63 orang).

Seterusnya dalam bentuk perincian bantuan makanan asas dan lain-lain, bantuan yang paling banyak diterima oleh responden adalah gula iaitu sebanyak 98.1%, bersamaan dengan 103 orang responden. Akhir sekali dalam bentuk kekerapan agihan bantuan, bilangan penerimaan oleh responden yang paling kerap adalah sebanyak 2 kali iaitu 44.85% (47 orang). Sebagai rumusnya, kajian ini dapat membantu pihak berwajib untuk menilai semula keberkesanan pengurusan agihan bantuan kepada komuniti tempatan pada masa hadapan.

Kata Kunci: *Sumber Bantuan, Kekerapan Bantuan, Komuniti Tempatan, PKP, Pandemik COVID-19*

Abstract: *Various parties play an important role in the local community to ease their burden by providing assistance such as financial and basic food. Therefore, this article analyzes the categories of aid sources and the frequency of aid distribution to local communities during the movement control order (MCO) period during the COVID-19 pandemic at selected villages in the districts of Kunak and Lahad Datu, Sabah. This study uses exploratory and evaluative approach. The used method was a quantitative method using questionnaire and observation. The study involved a total of 105 respondents. The results showed that the highest contributor of aid received by the respondents was the government with a value of 82.9%, which is 87 respondents. The most assistance received by the respondents was the basic food supply of 95.2%, which is 100 respondents. As for the details of financial assistance, most respondents did not receive financial assistance, which was 60.0% (63 people). Next in the form of details of basic food aid and others, the most aid received by the respondents was sugar which was 98.1%, equivalent to 103 respondents. Finally, in the form of the frequency of aid distribution, the number of receipts by the most frequent respondents was two times which is 44.85% (47 people). In conclusion, this study can help the authorities to re-evaluate the effectiveness of aid distribution management to local communities in the future.*

Keywords: *Sources of Assistance, Frequency of Assistance, Local Communities, MCO, COVID-19 Pandemic*

Pengenalan

Kes penularan penyakit akibat akut pernafasan berterusan yang berlaku di bandar Wuhan dalam wilayah Hubei di China pada 12 Disember 2019 telah menggemparkan masyarakat dunia. Hal ini disebabkan oleh penyakit berkenaan adalah berpunca daripada virus yang belum dikenal pasti lagi namanya ketika itu. Pada 12 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengeluarkan kenyataan bahawa penyakit tersebut dinamakan sebagai Coronavirus 2019 (COVID-19) (Elengoe, 2020). Virus ini merebak ke seluruh dunia dengan cepat seperti ke Amerika Syarikat, England, Brazil, India dan tidak terkecuali Malaysia, serta lain-lain negara. Sehingga 1 Jun 2021, jangkitan COVID-19 di dunia adalah sebanyak 172,418,736 kes dan menyebabkan kes kematian sebanyak 3,706,102. Di Malaysia, jumlah kes jangkitan adalah mencecah 579,462 dan jumlah kematian adalah sebanyak 2,867 kes (Laman Web Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Peningkatan kes positif COVID-19 di Malaysia sejak awal bulan Mac 2020 memaksa pihak kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020 dan mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 (Mutakhir, 2020a). Impak semerta daripada pelaksanaan PKP tersebut menyebabkan pembangunan dan operasi ekonomi terganggu, pendidikan mula

dijalankan secara dalam talian dan ramai pekerja yang diminta bercuti atau diberhentikan oleh majikan. Hal ini menyebabkan rakyat negara ini mula mengalami krisis ekonomi terutamanya dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah dan tidak tetap. Nurul Huda (2020) melaporkan lebih 70 peratus keluarga berpendapatan rendah di bandar mengalami masalah untuk menampung kehidupan asas sepanjang pandemik COVID-19.

Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian

Keprihatinan pelbagai pihak termasuk kerajaan persekutuan dan negeri, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang perseorangan merupakan suatu inisiatif penting dan perlu dipertingkatkan untuk memastikan penduduk yang terjejas dengan pelaksanaan PKP mendapat bantuan yang sewajarnya. Pelbagai manfaat diterima oleh rakyat hasil dari bantuan yang diberikan oleh pihak tertentu seperti pengeluaran RM500 sebulan KWSP Akaun 2, penangguhan bayaran ansuran bank, diskaun bil elektrik, penangguhan bayaran balik PTPTN dan lain-lain lagi (Berita Harian, 2020a). Selain manfaat dalam bentuk penangguhan, terdapat juga bantuan dalam bentuk agihan makanan dan barang keperluan yang lain. Bantuan yang diberikan dapat meringankan beban keluarga terutamanya kumpulan sasaran yang menghadapi masalah kewangan. Di samping itu, para pelajar menerima bantuan *one-off* serta menerima bantuan pelan data. Ini memudahkan dan menjimatkan kewangan pelajar untuk membeli pelan data semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atas talian.

Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan oleh pelbagai pihak tidak menjamin punca pendapatan golongan sasaran. Hal ini disebabkan oleh kewangan dan agihan makanan yang diterima adalah dalam bentuk berkala dan akan habis dalam jangka masa singkat. Oleh demikian, rakyat yang diberhentikan kerja akan bergantung sepenuhnya dengan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan, NGO dan beberapa pihak yang lain. Bukan itu sahaja, bantuan pelan data seperti 1GB sehari juga bertahan hanya untuk beberapa jam sahaja. Hal ini kerana kelas *online* memerlukan separuh daripada 1GB tersebut ditambah lagi dengan pencarian maklumat di internet menyebabkan pelajar terpaksa membeli pelan internet baharu. Seterusnya bagi agihan bantuan makanan, sebahagian kawasan yang seharusnya menerima bantuan tidak dapat langsung dan ini menyebabkan penduduk kawasan berkenaan terasa hati dan kecewa. Akibat daripada itu, penduduk yang tidak bekerja terpaksa mencari kerja lain, walaupun dilarang keluar sesuka hati. Ini akan menyebabkan mereka boleh disaman oleh pihak berkuasa kerana keluar dan tidak mematuhi SOP. Mereka terpaksa berbuat demikian untuk meneruskan kelangsungan hidup dan mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan mahupun pihak pemberi bantuan yang lain. Bagi golongan pelajar pula, mereka terpaksa menggunakan duit sendiri yang diberikan oleh ibu bapa ataupun bantuan lain untuk membeli pelan data demi pelajaran. Manakala penduduk yang tidak menerima bantuan dan agihan makanan, mereka akan beranggapan bahawa kerajaan atau pihak lain seperti pilih kasih. Hal sebegini akan menjatuhkan nama baik pihak tersebut. Atas permasalahan inilah kajian tentang kategori sumber bantuan dan kekerapan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19 ini dikaji.

Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

- (i) mengenal pasti kategori pihak pemberi bantuan dan jenis bantuan yang diberikan kepada komuniti tempatan sepanjang tempoh PKP bagi kampung terpilih di Kunak-Lahad Datu, Sabah.
- (ii) menganalisis kekerapan agihan bantuan yang diberikan kepada komuniti tempatan sepanjang tempoh PKP bagi kampung terpilih di Kunak-Lahad Datu, Sabah.

Sorotan Literatur

Bantuan Semasa Penularan COVID-19 di Luar Negara

Penularan pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020 sehingga pertengahan tahun 2021 menjejaskan kebanyakan negara di dunia sama ada dari aspek ekonomi, sosial dan kesihatan penduduk. Terdapat beberapa bahan literatur terpilih berkaitan dengan pelbagai bantuan yang disalurkan oleh negara di dunia kepada penduduk mereka khususnya di negara sedang membangun seperti Indonesia, Thailand dan India.

Negara Indonesia antara negara yang mengalami impak pandemik yang teruk disebabkan kadar jangkitan yang tinggi berbanding dengan negara Asia Tenggara yang lain. Hal ini memberi kesan kepada penduduk terutamanya keluarga miskin dan yang kurang berkemampuan. Untuk itu, pihak kerajaan mengagihkan beberapa jenis bantuan sara hidup seperti Program Keluarga Harapan (PKH) dan Bantuan Sosial Tunai (BST) yang dikendalikan oleh Kementerian Sosial Indonesia manakala Bantuan Langsung Tunai (BLT) yang disalurkan kepada rakyat melalui Kementerian Desa Indonesia. Terdapat dua agihan bantuan yang dilaksanakan oleh kerajaan Indonesia iaitu Bantuan Bekalan Makanan yang diberikan kepada penduduk yang terjejas teruk kesan aktiviti sosial mereka manakala penduduk yang mengalami wabak pandemik COVID-19 akan menerima bantuan tunai sebanyak 600,000 rupiah setiap bulan (Badrun et al., 2020).

Selain itu, Program Keluarga Harapan yang dilaksanakan di bawah Program Joko Widodo menyalurkan beberapa bantuan seperti Program Keluarga Harapan (PKH), subsidi elektrik, 'Staple Food Card' dan bantuan Pra-Pekerjaan. PKH merupakan bantuan kepada keluarga miskin terutamanya ibu tunggal. Bagi anak di bawah enam tahun, bantuan yang diberikan adalah sebanyak 250,000 rupiah, keluarga yang mempunyai anak sekolah rendah sebanyak 75,000 rupiah, anak di sekolah menengah sebanyak 125,000 rupiah dan golongan orang tua yang berumur 70 tahun ke atas layak menerima sebanyak 200,000 rupiah. Subsidi elektrik turut diberikan kepada penduduk yang mempunyai kadar penggunaan elektrik 450 kV dan 900 Va dengan mendapat potongan sebanyak 50 peratus yang memberikan manfaat kepada hampir 24 juta orang pengguna di Indonesia. 'Staple Food Card' merupakan inisiatif bantuan makanan yang diberikan kepada penduduk dengan peruntukan sebanyak 200,000 rupiah diberikan kepada keluarga terjejas ke dalam akaun 'e-wallet'. Ini bertujuan untuk menerapkan budaya pembelian atas talian dan mengurangkan penggunaan duit mata wang asli. Yang terakhir ialah pelaksanaan Pra-Pekerjaan yang membantu 5.6 juta orang penduduk Indonesia dengan jumlah gaji yang disasarkan sebanyak 1,750,000 juta rupiah. (Ali et al., 2021).

Di Thailand, pakej fiskal bernilai kira-kira 400 bilion baht dilancarkan yang terdiri daripada pinjaman mudah bernilai 150 bilion baht, pelanjutan tempoh pembayaran hutang dan faedah cukai termasuk pengurangan cukai pegangan yang dilancarkan pada 10 Mac 2020 untuk memberikan sokongan kepada isi rumah termasuk mengurangkan dan menunda pembayaran bil utiliti (KPMG, 2021a). Seterusnya sokongan tunai sebanyak THB 5,000 selama tiga bulan mulai April hingga Jun 2020 untuk pekerja, pekerja sementara, pekerja sambilan yang tidak didaftarkan di bawah Sistem Keselamatan Sosial (SSS). Setiap individu di bawah SSS akan menerima 50% daripada gaji sebelumnya (tetapi tidak melebihi gaji maksimum THB15,000 sebulan) sekiranya majikan memberhentikan pekerja sementara. Selain itu, pinjaman khas THB 10,000 seorang dengan kadar faedah 0.1% dan tidak perlukan penjamin serta skim

pinjaman khas THB 50,000 dengan kadar faedah 0.35% tetapi memerlukan penjamin (KPMG, 2021a).

Manakala di India pula, pakej bantuan sebanyak INR 1.7 trilion diumumkan oleh Menteri Kewangan pada 26 Mac 2020. Seterusnya, Perdana Menteri India mengisytiharkan pakej bantuan COVID-19 sebanyak INR 20 trilion pada 15 Mei 2020. Pada 14 November pula, pakej rangsangan komprehensif bernilai INR 2.65 *lakh crore* diumumkan oleh Menteri Kewangan penjamin (KPMG, 2021b). Selain itu, kira-kira dua pertiga penduduk India dilindungi di bawah *Pradhan Mantri Garib Kalyan Anna Yojana* (skim makanan). Setiap orang di bawah skim ini akan mendapat 5 kg gandum dan beras secara percuma di samping peruntukan 5 kg semasa untuk tiga bulan akan datang. Sebagai tambahan, 1 kg gandum dan beras sebagai 'nadi' pilihan (berdasarkan wilayah terpilih) diberikan secara percuma kepada setiap isi rumah di bawah skim makanan ini untuk tiga bulan seterusnya. Pengagihan bahan makanan ini dilakukan melalui skim Pengedaran Awam (PDS) dan diperolehi dalam dua kali ansuran. Selain itu, seramai 30 juta orang warga emas, janda dan orang kurang upaya mendapat satu kali *ex-gratia* sebanyak INR 1,000 dalam dua kali ansuran pembayaran dalam tempoh tiga bulan yang seterusnya. Manakala seramai 200 juta orang wanita bagi pemegang akaun Jan Dhan diberi *ex-gratia* sebanyak INR 500 sebulan untuk tiga bulan berikutnya untuk menguruskan rumah tangga mereka. Manakala kaum wanita untuk 83 juta keluarga yang berada di bawah garis kemiskinan yang dilindungi di bawah skim Ujwala akan mendapat silinder LPG percuma selama tiga bulan. Untuk 630,000 Kumpulan Bantuan Sendiri (SHG) yang membantu 70 juta isi rumah, pihak kerajaan menggandakan pinjaman tanpa cagaran menjadi Rs 200,000 (KPMG, 2021b).

Bantuan Semasa Penularan COVID-19 di Malaysia

Di Malaysia, sepanjang tempoh PKP 1.0, pihak kerajaan melancarkan beberapa stimulus kewangan seperti Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN iaitu Prihatin Rakyat dan Prihatin PKS. Pelan ini bertujuan untuk meringankan beban rakyat dan peniaga kecil (Alzahrin, 2020). Menurut Rafidah (2020), bantuan ini dilaksanakan secara berperingkat seperti diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 27 Mac 2020. Antaranya bantuan *one-off* kepada pemandu sepenuh masa perkhidmatan e-hailing sebanyak RM500 dan pemandu teksi sebanyak RM600, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang memanfaatkan golongan berpendapatan bawah 80 peratus (B40 dan M40) dan golongan bujang berumur 21 tahun ke atas diberikan bantuan kewangan sebanyak dua kali. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan turut membantu rakyat melalui penangguhan bayaran ansuran pinjaman PTPTN kepada peminjam dan turut memberi bantuan *one-off* sebanyak RM200 kepada pelajar di institusi pendidikan tinggi (Mohd Zaky, 2020).

Junaidi dan Mohd Amirul (2020) menegaskan pihak kerajaan turut memberikan pelbagai bantuan lain kepada kelompok sasar yang terjejas oleh pandemik tersebut. Bantuan ini termasuklah program subsidi upah kepada majikan disediakan yang memberi manfaat kepada lebih 700,000 syarikat mikro, kecil dan sederhana serta bantuan sebanyak RM600 sebulan untuk maksimum enam bulan bagi pekerja yang pendapatannya terjejas melalui Program Pengekalan Pekerja. Seterusnya, kelulusan skim pengeluaran dari akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM500 sebulan untuk tempoh masa 12 bulan turut memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia.

Selain itu, pelbagai pihak seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang perseorangan serta majikan memberikan bantuan kepada penduduk dan pekerja seperti TESCO Stores yang bekerjasama dengan NGO sepanjang PKP dilaksanakan. Menurut Rafiza et al. (2017), badan bukan kerajaan (NGO) memberikan bantuan kepada komuniti tempatan khususnya kebajikan sosial. NGO ditubuhkan adalah bertujuan untuk membela nasib rakyat yang hidup dalam keadaan yang susah. PKP yang dilaksanakan menyebabkan pergerakan komuniti setempat terjejas. Keadaan ini menyebabkan kesukaran penduduk untuk keluar dari rumah. Dengan itu, penglibatan NGO ini adalah penting. Pertubuhan ini perlu diperbanyakkan lagi terutamanya golongan pemberi bantuan kepada masyarakat yang memerlukan terutamanya sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19.

Kerajaan negeri Sabah turut memberikan bantuan sebanyak RM670 juta kepada petugas barisan hadapan, kumpulan sasaran iaitu berpendapatan rendah, peniaga dan golongan yang kurang kemampuan agar dapat meringankan beban mereka (Rafiqah, 2020). Golongan yang banyak menerima bantuan adalah daripada keluarga kumpulan sasaran (Mutakhir, 2020b). Disebabkan hal itu, wujud pusat agihan bakul makanan seperti Pusat Agihan Bakul Makanan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan sebanyak 57,329 bakul makanan diagihkan kepada penduduk seluruh negeri ini. Selain itu, kerajaan Sabah memberikan bantuan dari segi kewangan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH2020), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) serta *one-off* (Syah Hairizal, 2020). Pada 7 Oktober 2020, kerajaan Sabah menyalurkan bantuan makanan yang bernilai RM2 juta bagi setiap daerah yang dikenakan PKPB iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Sandakan, Papar, dan Tuaran (Bernama, 2020).


Selain itu, bantuan disalurkan kepada penduduk yang tinggal di kawasan perumahan mahupun pedalaman. Pengagihan bantuan dijalankan sama ada penghantaran dari rumah ke rumah mahupun menyediakan pusat pengagihan agar penduduk boleh menerima bantuan di pusat berkenaan. Ini disebabkan oleh kesulitan penduduk untuk keluar dari rumah kerana perlu mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut Mohd Roji (2020), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menghulurkan bantuan bekalan makanan kepada penduduk di lima buah rumah panjang di Katibas, Song, Sarawak, iaitu Rumah Panjang Kanching, Rumah Panjang Aut @ Munsang, Rumah Panjang Sumbang, Rumah Panjang Rampeng @ Lias dan Rumah Panjang Limbi. Kawasan ini merupakan antara lokasi yang disalurkan bantuan dengan cara penghantaran dari rumah ke rumah sepanjang tempoh PKP. Penghantaran bantuan ini dilakukan dengan kerap. Tindakan pihak kerajaan ini dilakukan bagi memastikan penduduk di kawasan terpencil tidak terputus bekalan makanan.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif dengan lebih sistematik. Kajian ini menggunakan pendekatan eksplorasi dan evaluatif. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dan pemerhatian. Menurut Chua (2011), pendekatan kuantitatif ialah penyelidikan yang menekankan fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Kaedah pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Kajian ini melibatkan seramai 105 orang responden. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di negeri Sabah, iaitu sebelum PKP 2.0 dilaksanakan pada 13 Januari 2021. Tempoh pengutipan data adalah dari 14 Disember 2020 sehingga 2 Januari 2021.


Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini melibatkan dua lokasi iaitu daerah Kunak dan Lahad Datu yang terletak dipantai timur Sabah. Rajah 1 menunjukkan kawasan daerah Kunak yang meliputi 438 batu persegi atau 1,334km² dan penduduk daerah ini dianggarkan sekitar 13,823 ribu orang pada tahun 2010. Penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu Bugis, Bajau, Suluk dan lain-lain. Terdapat lima lokasi kajian di daerah Kunak, iaitu Kampung Getah, Kampung Jaya Baru, Kampung Telaga Tujuh, Kampung Kunak Jaya dan Ladang Giram. Manakala, Rajah 2 adalah peta lokasi kajian di daerah Lahad Datu. Keluasan daerah ini ialah 2,510 batu persegi atau 6,635.2 km² dan jumlah penduduknya pada tahun 2010 sekitar 27, 887 ribu orang. Lokasi kajian yang dipilih di Lahad Datu adalah Pangsapuri Mutiara Kasih.



Rajah 1: Peta Lokasi Kajian Daerah Kunak, Sabah.

Sumber: Olahan Pengkaji (2021).



Rajah 2: Peta Lokasi Kajian Daerah Lahad Datu, Sabah.

Sumber: Olahan Pengkaji (2021).

Hasil Kajian dan Perbincangan

Profil Demografik Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografik responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari aspek jantina, responden yang paling ramai dikaji adalah perempuan iaitu seramai 69 orang bersamaan 65.7% dan selebihnya adalah responden lelaki (34.3%). Status berkahwin adalah lebih ramai terlibat dalam kajian ini, iaitu sebanyak 60% (63 orang). Manakala yang berstatus duda/janda/balu adalah sebanyak 13.3% (14 orang) dan bujang pula sebanyak 26.7% (28 orang). Dari segi umur, majoriti kumpulan umur adalah seimbang, iaitu sekitar lebih 20 orang responden, kecuali mereka yang berumur 20 tahun dan ke bawah melibatkan 12 orang responden sahaja. Seterusnya, profil bangsa bagi demografik penduduk di daerah Kunak dan Lahad Datu adalah terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, Bajau, Bugis, Suluk, Dusun, Iban, Bisaya dan Cocos. Majoriti responden yang dikaji adalah berbangsa Bajau, iaitu 47 orang (44.8%) dan etnik Bugis seramai 44 orang (41.9%). Dari segi latar belakang pendidikan pula, kebanyakan responden yang dikaji adalah berpendidikan peringkat menengah atas iaitu seramai 27 orang (25.7%) diikuti oleh mereka yang tidak menerima pendidikan secara formal iaitu seramai 26 orang (24.8%). Manakala untuk pekerjaan, majoriti responden yang ditemui adalah suri rumah iaitu 32 orang (30.5%). Antara pekerjaan responden yang lain adalah bekerja di sektor swasta - 16 orang (15.2%), bekerja sendiri - 17 orang (16.2%) dan usahawan - sembilan orang (8.6%).

Jadual 1: Profil Demografik Responden

Ciri	Kriteria	Bilangan	Peratus
Jantina	Perempuan	69	65.7
	Lelaki	36	34.3
Status Perkahwinan	Bujang	28	26.7
	Berkahwin	63	60
	Duda/Janda/Balu	14	13.3
Umur	20 tahun dan ke bawah	12	11.4
	– 30 tahun	24	22.9
	31 – 40 tahun	25	23.8
	41 – 50 tahun	22	21
	50 tahun dan ke atas	22	21
Bangsa	Melayu	1	1
	Cina	1	1
	Bajau	47	44.8
	Bugis	44	41.9
	Suluk	7	6.7
	Dusun	1	1
	Lain-lain	4	3.8
Pendidikan	Tiada pendidikan formal Peringkat rendah [Darjah 6/UPSR]	26	24.8
	Peringkat menengah rendah [SRP/PMR]	14	13.3
	Peringkat menengah atas [SPM] Peringkat Pra-U [STPM/Diploma] Peringkat tinggi [Ijazah, Sarjana, PhD.]	11	10.5
		27	25.7
		16	15.2
		11	10.5
Pekerjaan	Sektor awam	6	5.7
	Sektor swasta	16	15.2
	Bekerja sendiri	17	16.2
	Peniaga / usahawan	9	8.6
	Pesara	6	5.7
	Suri rumah	32	30.5
	Pelajar	14	13.3
	Lain-lain	5	4.8

Kategori Penyumbang Bantuan

Jadual 2 menunjukkan kategori penyumbang bantuan yang terdiri daripada pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan persendirian. Hasil kajian menunjukkan seramai 87 orang responden (82.9%) menyatakan bahawa mereka menerima bantuan daripada pihak kerajaan. Manakala seramai enam orang responden menerima bantuan daripada pihak swasta, iaitu bersamaan dengan 5.7%. Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) seperti Srikandi Negeri - Pn. Mizma Appedullah, Bumil, Kelab Sukan, Gerakan Siswa Kunak, Ahli Jawatankuasa Masjid dan Adab Sabah dan Perkhidmatan Komuniti turut tersenarai sebagai penyumbang bantuan, iaitu seperti dimaklumkan oleh 27 orang responden (25.7%) yang dikaji. Akhir sekali, seramai 22 orang responden (21.0%) menyatakan bahawa mereka menerima bantuan daripada pihak orang perseorangan yang terdiri daripada rakan-rakan, ahli keluarga dan pemilik kedai runcit di tempat responden.

Jadual 2: Kategori Penyumbang Bantuan

Kategori	Bilangan	Peratus
Kerajaan	87	82.9%
Swasta	6	5.7%
Badan Bukan Kerajaan	27	25.7%
Persendirian	22	21.0%

Hasil kajian ini mendapati majoriti responden menerima bantuan daripada pihak kerajaan sama ada penduduk di daerah Kunak mahupun Lahad Datu. Menurut Datuk Masidi Manjun (2020), kerajaan negeri Sabah menyalurkan tujuh jenis bantuan, antaranya pengagihan bakul makanan kepada penduduk terjejas di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), mereka yang menjalani kuarantin dan golongan dalam senarai e-Kasih. Manakala kerajaan pusat pula menyumbang lima jenis bantuan, antaranya Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Geran Khas Prihatin untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Program Subsidi Upah (PSU) untuk majikan di Sabah dan elaun khas COVID-19 untuk barisan hadapan. Berita Harian (2020b) melaporkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi inisiatif bantuan bakul makanan kepada 3.1 juta orang rakyat. Dalam pada itu, sebanyak 6,300 bantuan bakul makanan disalurkan di tujuh kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Semporna, Kunak dan Lahad Datu, Sabah.

Jenis Bantuan yang Diterima

Berdasarkan Jadual 3, terdapat empat jenis bantuan yang diterima oleh penduduk Kunak dan Lahad Datu yang dikaji, iaitu bantuan dalam bentuk kewangan, bekalan makanan asas, barangan keperluan bayi atau kanak-kanak serta pelitup muka dan *sanitizer*. Hasil kajian mendapati majoriti responden menerima bantuan bekalan makanan asas, iaitu seramai 100 orang dengan nilai peratus sebanyak 95.2%. Jenis bantuan kedua tertinggi diperolehi adalah bantuan dalam bentuk kewangan, iaitu 40 orang responden (38.1%). Seterusnya, seramai 21 orang (20.0%) menerima bantuan pelitup muka dan *sanitizer*. Manakala hanya empat orang responden (3.8%) menerima bantuan barangan keperluan bayi atau kanak-kanak.

Jadual 3: Jenis Bantuan yang Diterima

Jenis Bantuan	Bilangan	Peratus
Bekalan makanan asas	100	95.2%
Bantuan dalam bentuk kewangan	40	38.1%
Pelitup muka dan <i>sanitizer</i>	21	20.0%
Barangan keperluan bayi / kanak-kanak	4	3.8%

Hasil kajian menunjukkan jenis bantuan yang paling banyak diterima oleh responden adalah bekalan makanan asas. Berdasarkan kenyataan dalam Astro Awani (2020), penularan pandemik COVID-19 mendorong wujudnya sinergi kerjasama antara pihak kerajaan, swasta dan NGO dalam menyalurkan bekalan makanan asas kepada penduduk di Malaysia khususnya di Sabah. Pemberian bantuan ini memainkan peranan penting kerana dapat menyediakan barangan keperluan asas seperti bekalan makanan, bantuan kewangan dan lain-lain seperti ditegaskan oleh Grittell dan Tebaldi (2006) agar rakyat dapat melangsungkan kehidupan sepanjang tempoh pandemik tersebut.

Perincian Bantuan Bentuk Kewangan

Jadual 4 menunjukkan perincian bantuan bentuk kewangan yang diterima oleh responden di beberapa kampung terpilih di daerah Kunak dan Lahad Datu. Hasil kajian menunjukkan seramai 63 orang responden atau 60.0% tidak menerima sebarang bantuan dalam bentuk kewangan. Namun begitu, seramai 24 orang responden (22.9%) yang dikaji menerima bantuan lebih RM200. Selain itu, seramai 12 orang (11.4%) menerima bantuan kewangan sebanyak RM50 dan ke bawah daripada pelbagai pihak seperti pada Jadual 2 sebelum ini. Seterusnya, mereka yang menerima bantuan kewangan antara RM50 hingga RM200 adalah sedikit sahaja bilangannya, iaitu masing-masing tiga orang (2.9%) menerima antara RM51- RM150, dua orang (1.9%) menerima antara RM101 - RM150 dan hanya satu orang responden menerima bantuan dalam bentuk kewangan antara RM151 - RM200.

Jadual 4: Perincian Bantuan Bentuk Kewangan

Bantuan Bentuk Kewangan	Bilangan	Peratus
Tidak menerima bantuan kewangan	63	60.0%
RM50 dan ke bawah	12	11.4%
RM51 – RM100	3	2.9%
RM101 – RM150	2	1.9%
RM151 – RM200	1	1.0%
RM201 dan ke atas	24	22.9%

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden tidak menerima bantuan kewangan. Hal ini disebabkan oleh pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat atau PRIHATIN dengan peruntukan sebanyak RM250 bilion itu memerlukan seseorang menyemak status kelayakan mereka terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. Bantuan ini hanya diberikan kepada golongan B40 dan pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Hal ini disebabkan oleh golongan tersebut memiliki jumlah pendapatan isi rumah yang rendah berbanding golongan lain. Pakej sokongan pendapatan merangkumi bantuan kewangan kerajaan kepada isi rumah dalam bentuk pemindahan wang tunai secara langsung atau pelepasan hutang serta pembayaran utiliti. Bantuan yang diberikan ini dapat membantu individu yang hilang punca pendapatan dan mereka yang dibuang kerja semasa penularan wabak COVID-19 ini.

Perincian Bantuan Makanan Asas dan Lain-Lain Keperluan

Jadual 5 menunjukkan perincian bantuan makanan asas dan lain-lain keperluan yang diperoleh oleh 105 orang responden sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di enam kampung terpilih dalam kajian ini, iaitu Kg. Getah, Kg. Telaga Tujuh, Kg. Jaya Baru, Kg. Kunak Jaya dan Ladang Giram di daerah Kunak dan Pangsapuri Mutiara Kasih di Lahad Datu.

Jadual 5 memaparkan secara susunan peratus tertinggi hingga terendah untuk perincian bantuan makanan asas dan lain-lain keperluan. Daripada 10 bantuan yang mencatatkan peratusan tertinggi didapati lima jenis bantuan merekodkan lebih 80%, iaitu bantuan gula (98.1%), beras (96.2%), tepung (94.3%), minyak masak (93.3%) dan pelbagai jenis minuman dalam paket seperti teh, kopi dan milo iaitu sebanyak 82.9%. Manakala, kumpulan kedua tertinggi bantuan makanan asas yang diterima oleh majoriti responden adalah telur (70.5%), biskut (70.5%), mee kuning (68.6%), makanan tin seperti sardin (61.9%) dan susu dalam tin (61.9%). Selain itu, hasil kajian menunjukkan antara lima bantuan makanan asas dan lain-lain keperluan yang mencatatkan penerimaan terendah oleh responden adalah *pampers* bayi (9.5%), roti (7.6%),

hand sanitizer (6.7%), *bee hun* (2.9%) dan sayur (2.9%). Lain-lain bantuan adalah seperti garam, kicap, pelitup muka, makanan basah, maggi, susu bayi dan bawang (Jadual 5).

Jadual 5: Perincian Bantuan Makanan Asas dan Lain-Lain Keperluan

Perincian Bantuan	Bilangan	Peratus
Gula (kg)	103	98.1
Beras (kg)	101	96.2
Tepung (kg)	99	94.3
Minyak masak (paket/botol)	98	93.3
Teh/kopi/milo (paket)	87	82.9
Telur (kotak)	74	70.5
Biskut (bungkus)	74	70.5
Mee kuning (bungkus)	72	68.6
Makanan tin (sardin dll.)	65	61.9
Susu (tin)	65	61.9
Garam (paket)	60	57.1
Kicap (botol)	56	53.3
Pelitup muka (paket)	24	22.9
Makanan basah (kg)	21	20.0
Maggi (bungkus)	18	17.1
Susu bayi (paket)	16	15.2
Bawang (bungkus)	15	14.3
<i>Pampers</i> bayi (bungkus)	10	9.5
Roti (bungkus)	8	7.6
<i>Hand sanitizer</i> (botol)	7	6.7
<i>Bee hun</i> (bungkus)	3	2.9
Sayur	3	2.9

Hasil kajian ini mendapati bahawa gula, beras dan tepung adalah tiga jenis bantuan makanan asas yang paling banyak diterima oleh responden di daerah Kunak dan Lahad Datu, Sabah. Pihak Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah memberi sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM1 juta bagi membantu penduduk negeri ini yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Melalui bantuan tersebut, pihak kerajaan berharap dapat mengurangkan beban penduduk terutama mereka yang sangat memerlukan bantuan bahan makanan seperti beras, minyak masak, gula dan gas (Berita Harian, 2020c). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), perbelanjaan makanan dan minuman meningkat sebanyak 27 peratus iaitu 18 peratus sebelum PKP dan 44 peratus semasa PKP. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, perbelanjaan seisi keluarga semakin meningkat yang dipengaruhi oleh harga barang yang semakin meningkat, selain untuk perbelanjaan pengagihan bantuan keperluan asas kepada masyarakat. Oleh itu, peranan kerajaan dalam menyediakan bantuan tidak boleh diketepikan agar keperluan asas rakyat terjamin walaupun negara sedang menghadapi krisis, termasuk dalam kes COVID-19 ini. Walau bagaimanapun, jika sumber kerajaan tidak mencukupi kerana kos mentadbir yang semakin meningkat, maka masyarakat itu sendiri perlu memainkan peranan untuk membantu mereka yang lebih susah (Nurul Adilah & Asmak, 2020). Sehubungan dengan itu, Foto 1 hingga 6 menunjukkan antara bantuan makanan asas yang diperolehi oleh responden daripada beberapa penyumbang di lokasi kajian.



Foto 1 dan 2: Bantuan makanan asas yang diperolehi oleh responden di Pangsapuri MutiaraKasih, Lahad Datu semasa tempoh PKP



Foto 3 dan 4: Antara bantuan yang diperolehi oleh responden di Kg Getah, Kunak daripadapihak kerajaan dan Gerakan Siswa Kunak (NGO)



Foto 5 dan 6: Bantuan makanan asas yang diterima oleh responden di Kg. Jaya Baru, Kunak(AMAL, NGO) dan Kg. Kunak Jaya (Kerajaan)

Kekerapan Menerima Bantuan

Jadual 6 menunjukkan kekerapan responden menerima bantuan untuk lima jenis bantuan yang dikaji. Untuk bantuan dalam bentuk kewangan, peratusan tertinggi adalah ‘tiada bantuan’ diterima iaitu sebanyak 46.7% diikuti dengan ‘tidak kerap’ sebanyak 20.0%. Manakala untuk bantuan makanan asas pula, nilai kekerapan bantuan yang tertinggi adalah ‘tidak kerap’ iaitu sebanyak 37.1% dan ‘kerap’ iaitu 30.5%. Berbeza dengan bantuan keperluan bayi atau kanak-kanak yang mencatatkan ‘tiada bantuan’ sebagai nilai peratusan tertinggi iaitu 66.7%. Seterusnya untuk bantuan pelitup muka dan *sanitizer*, sebanyak 55.2% responden menyatakan

‘tiada bantuan’ diikuti oleh ‘tidak kerap’ sebanyak 22.9%. Akhir sekali untuk lain-lain bantuan, majoriti responden menyatakan ‘tiada bantuan’ iaitu sebanyak 98.1%. Menurut Unit Perhubungan Awam (2020), kekerapan bantuan yang disalurkan adalah berasaskan aduan yang diterima oleh Bilik Gerakan dan rujukan daripada pihak pemimpin masyarakat. Menurut Borhan dan Rosde (2020), penerimaan bantuan bergantung kepada inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan dan syarat kelayakan yang ditetapkan bagi mengurangkan sedikit bebanan isi rumah sepanjang PKP dilaksanakan. Antara inisiatif kerajaan berikutan adalah Bantuan Prihatin, bakul makanan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan pemberian moratorium yang sedikit sebanyak mengurangkan beban isi rumah dan sektor ekonomi yang terjejas.


Jadual 6: Kekerapan Menerima Bantuan

Jenis Bantuan	Kriteria	Bilangan	Peratus
Bantuan dalam bentuk kewangan	Tiada bantuan	49	46.7
	Sangat tidak kerap	15	14.3
	Tidak kerap	21	20.0
	Kerap	14	13.3
	Sangat kerap	6	5.7
Bekalan makanan asas	Tiada bantuan	2	1.9
	Sangat tidak kerap	17	16.2
	Tidak kerap	39	37.1
	Kerap	32	30.5
Barangan keperluan bayi/kanak-kanak	Sangat kerap	15	14.3
	Tiada bantuan	70	66.7
	Sangat tidak kerap	12	11.4
	Tidak kerap	12	11.4
Pelitup muka dan <i>sanitizer</i>	Kerap	4	3.8
	Sangat kerap	7	6.7
	Tiada bantuan	58	55.2
	Sangat tidak kerap	11	10.5
Lain-lain bantuan	Tidak kerap	24	22.9
	Kerap	9	8.6
	Sangat kerap	3	2.9
	Tiada bantuan	103	98.1
	Sangat tidak kerap	1	1
Lain-lain bantuan	Tidak kerap	1	1
	Kerap	-	-
	Sangat kerap	-	-

Bilangan Kekerapan Penerimaan Bantuan

Rajah 3 menunjukkan bilangan kekerapan penerimaan bantuan oleh 105 orang responden di lokasi kajian sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Majoriti responden pernah menerima bantuan daripada pelbagai pihak penyumbang sebanyak dua kali, iaitu seramai 47 orang bersamaan dengan 44.8%. Seterusnya diikuti dengan penerimaan sebanyak satu kali bantuan oleh 37 orang responden (35.2%). Hasil kajian turut memaparkan terdapat responden yang menerima bantuan sehingga tujuh kali, namun bilangannya adalah terlalu kecil iaitu 1% sahaja. Tambahan pula, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tidak dibenarkan lagi menghantar bantuan terus kepada golongan sasaran untuk melindungi anggotanya daripada risiko dijangkiti COVID-

19 (Mahaiyadin & Samori, 2020). Ini menyebabkan jumlah bagi penerimaan melalui NGO kurang kerana akses ke kawasan yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan telah diminimumkan. Penerimaan bantuan ini turut dipengaruhi oleh faktor kawasan yang disenaraikan sebagai kawasan yang diarahkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB). Justeru, kawasan tersebut akan diberi tumpuan terlebih dahulu berbanding kawasan yang lain. Oleh itu, bilangan kekerapan penerimaan bantuan dipengaruhi oleh bilangan penyumbang bantuan dan berapa kali setiap responden memperoleh bantuan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.



Rajah 3: Bilangan Kekerapan Penerimaan Bantuan

Kesimpulan

Isu kelangsungan hidup penduduk tempatan dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 khususnya sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) menjadi topik perbincangan sama ada dalam kalangan orang awam di kedai kopi, media sosial mahupun para ahli akademik. Kajian terhadap kategori sumber bantuan dan kekerapan agihan bantuan kepada komuniti tempatan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) dalam konteks kajian di kampung terpilih di daerah Kunak dan Semporna ini adalah relevan dalam konteks kajian sains sosial. Dapatan kajian dari aspek kategori penyumbang bantuan, jenis bantuan yang diterima penduduk, perincian bantuan bentuk kewangan, perincian bantuan makanan asas dan lain-lain keperluan, kekerapan menerima bantuan dan bilangan kekerapan penerimaan bantuan dalam kalangan responden yang dikaji ini adalah dokumentasi penting dan diharap dapat menyumbang terhadap aspek teoritikal, praktikal dan agenda negara dalam menangani pandemik pada masa hadapan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas [SDK0139-2020] yang bertajuk “Implikasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik Covid-19 terhadap Kesejahteraan Komuniti Pulau di Negeri Sabah”.

Rujukan

- Ali Roziqin, Syasya, Y. F. Mas'udi & Iradhad T. Shidi. (2021). *An Analysis of Indonesian Government Policies Against COVID-19*. Universitas Muhamadiyah Malang, Malang, Indonesia.
- Alzahrin Alias. (2020). Enam Langkah Utama Pakej PRIHATIN telah dilaksana. Diakses melalui <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677024/enam-langkah-utama-pakej-prihatin-telah-dilaksana> pada 29 Januari 2021.
- Astro Awani. (2020). Usaha Malaysia dalam menangani pandemik COVID-19. Di capai dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usaha-malaysia-dalam-menangani-pandemik-covid19-236795> pada 22 Januari 2021.
- Badrun Susanto, Togiatura Nainggola & Sugiyanto. (2020). *Bantuan sosial tunai Kementerian Sosial bagi kawangan terdampak COVID-19*. Pusat Penelitian dan Pengembangan Kesejahteraan Sosial Badan Pendidikan Penelitian dan Penyelidikan Sosial, Kementerian Sosial Republik Indonesia.
- Borhan Abdullah & Rosde Ammituh. (2020). Kesan Pandemik COVID-19 terhadap Sumber Pendapatan Isi Rumah: Kajian kes Semporna Sabah. Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah.
- Berita Harian. (2020a). Senarai Bantuan Untuk Rakyat Terjejas COVID-19. Diakses melalui <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668013/senarai-bantuan-untuk-rakyat-terjejas-covid-19> pada 31 Januari 2021.
- Berita Harian (2020b). 3.1 juta rakyat terima manfaat bantuan bakul makanan. Diakses daripada: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/742966/31-juta-rakyat-terima-manfaat-bantuan-bakul-makanan> pada 22 Januari 2020.
- Berita Harian. (2020c). COVID-19: UMNO Sabah derma bekalan asas bernilai RM1 juta. Diakses daripada: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/668992/covid-19-umno-sabah-derma-bekalan-asas-bernilai-rm1-juta> pada 23 Januari 2020.
- Bername. (2020). Kerajaan Sabah Salur Bantuan Makanan RM2 Juta Kepada Setiap Daerah PKPB - Hajiji. Diakses melalui <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-sabah-salur-bantuan-makanan-rm2-juta-kepada-setiap-daerah-pkpb-hajiji-262895> pada 29 Januari 2021.
- Chua, Yan Piaw. (2011). Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Mcgraw: Hill Education.
- Elenoe, A. (2020). Wabak Covid-19 di Malaysia. *Artikel Perspektif Kesihatan Awam dan Penyelidikan Osong*. 11(3), 93-100.
- Gittell, R. & Tebaldi, E. (2006). Charitable giving: Factors influencing giving in U.S. States. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 35(4), 721-36.
- Junaidi Mansor & Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. (2020). *Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik untuk Belia*. KRI Discussion Paper: Khazanah Research Institute. 1-21.
- KPMG. (2021a). Government Response - Global Landscape. *Thailand: Government and institution measures in response to COVID-19*. <http://home.kpmg./xx/en/home/insights/2020/04/thailand-government-and-institution-measures-in-response-to-covid.html>. Diakses pada 1 Julai 2021.
- KPMG. (2021b). Government Response - Global Landscape. *India: Government and institution measures in response to COVID-19*. <https://home.kpmg./xx/en/home/insights/2020/04/in-dia-government-and-institution->

- measures-in-response-to-covid.html. Diakses pada 1 Julai 2021.
- Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). <http://covid-19.moh.gov.my/>. Dicapai pada 24 Mei 2021.
- Mahaiyadin, M. H. & Samori, Z. (2020). Kawalan penularan wabak merbahaya menurut perspektif siasah syar'iiyyah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 26-48.
- Mohd Roji Kawi. (2020). Bomba Hantar Bekalan Makanan ke Rumah Panjang. *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676938/bomba-hantar-bekalan-makanan-ke-rumah-panjang>. Diakses pada 18 Januari 2021.
- Mohd Zaky Zainuddin. (2020). Kita Prihatin: Kerajaan pastikan bantuan sampai kepada rakyat *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/734978/kita-prihatin-kerajaan-pastikan-bantuan-sampai-kepada-rakyat>. Diakses Pada 18 Januari 2021.
- Mutakhir. (2020a). Kronologi PKP setakat 10 April. Diakses <https://www.hmetro.com.my/Mutakhir/2020/04/564864/kronologi-pkp-setakat-10-april> pada 18 Januari 2021.
- Mutakhir. (2020b). COVID-19: Kerajaan Sabah giat Agih Bantuan Makanan. Diakses melalui <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/632814/covid-19-kerajaan-sabah-giat-agihan-bantuan-makanan-metrotv> pada 18 Januari 2021.
- Nurul Adilah Hasbullah dan Asmak Ab Rahman. (2020). Peranan pemegang taruh dalam menjaga kebajikan ekonomi rakyat semasa pandemik COVID-19 dari perspektif ekonomi Islam. (2021). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17, 71-89.
- Nurul Huda Husain. (2020). Nasib Rakyat B40 Lebih Teruk Selepas PKP. Diakses melalui <https://www.sinarharian.com.my/article/107693/BERITA/Nasional/Nasib-rakyat-B40-lebih-teruk-selepas-PKP> pada 29 Januari 2021.
- Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long & Zaizul Ab Rahman. (2017). Konsep kebajikan sosial dalam pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan kaitannya dengan gelendangan Kuala Lumpur. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rafidah Mat Ruzki. (2020). Ada dapat 3 bantuan. *My Metro*. Dipetik daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575516/ada-dapat-3-bantuan>. Diakses pada 18 Januari 2021.
- Rafiqah Dahali. (2020). COVID-19: Sabah Umum Pakej Bantuan RM670 Juta. Diakses <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669102/covid-19-sabah-umum-pakej-bantuan-rm670-juta> 29 Januari 2021.
- Syah Hairizal Kamalul Arifin. (2020). COVID-19: lebih 2 juta rakyat Sabah terima bantuan. Diakses melalui <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-lebih-2-juta-rakyat-sabah-terima-bantuan-kerajaan-274117> pada 18 Januari 2021.
- Unit Perhubungan Awam. (2020). Siaran media pengagihan bantuan keperluan makanan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan COVID-19. Diakses https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2020/SIARAN%20MEDIA%20JKM_17%20APRIL%202020__1%20latest.pdf pada 22 Januari 2021.